

## Harga makanan lonjak kadar inflasi Malaysia

PUTRAJAYA: Indeks Harga Pengguna (IHP) yang mengukur kadar inflasi meningkat 2.3 peratus pada bulan lalu, demikian menurut **Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)**.

Ketua Perangkawatan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata peningkatan inflasi didorong terutama oleh kenaikan dalam kumpulan pengangkutan (enam peratus) serta makanan dan minuman bukan alkohol (3.6 peratus).

Beliau berkata, ia diikuti oleh hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah (3.1 peratus); restoran dan hotel (2.1 peratus) serta perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan (1.2 peratus).

"Isu kenaikan harga makanan seperti sayur-sayuran, daging dan ikan yang berlarutan sejak beberapa bulan lalu berikutan kesan langsung daripada kekurangan bekalan serta kenaikan harga makanan ternakan sekali lagi memberi tekanan kepada inflasi makanan.

"Kenaikan inflasi makanan yang juga penyumbang terbesar kepada keseluruhan wajaran IHP terus menjadi penyumbang utama kepada kenaikan inflasi.

"Inflasi makanan dan minuman bukan alkohol meningkat 3.6 peratus pada Januari 2022 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya," katanya.

Mohd Uzir berkata, indeks yang mengukur inflasi makanan di rumah yang mengandungi bahan mentah untuk memasak turut meningkat 4.1 peratus.

Beliau berkata, walaupun kenaikan tertinggi dicatatkan oleh daging (7.8 peratus), peningkatan subkumpulan ini adalah lebih perlana berbanding peningkatan pada Disember 2021 (8.3 peratus).

Ini, katanya, adalah disebabkan oleh penurunan purata harga ayam mentah pada Januari 2022 kepada RM9.48 sekilogram berbanding RM9.54 pada Disember 2021.

"Ini diikuti oleh kenaikan sayur-sayuran (5 peratus); susu, keju dan telur (4.7 peratus); minyak dan lemak (4.6 peratus) serta ikan dan makanan laut (4.2 peratus).

"Manakala bagi makanan di luar rumah pula meningkat 3.1 peratus dan antara makanan yang menunjukkan peningkatan adalah masakan berasaskan daging (6.3 peratus), masakan berasaskan sayur-sayuran (4.7 peratus), nasi berlauk (4.5 peratus) serta sate (3.9 peratus)," katanya.

Mohd Uzir berkata, peningkatan kadar inflasi yang berlaku ketika ini sebenarnya fenomena global di mana semua negara membangun berhadapan dengannya.

Beliau berkata, kadar inflasi zon Euro meningkat lebih tinggi pada Januari 2022 iaitu 5.1 peratus berbanding Disember 2021 (lima peratus), melepas jangkaan pasaran iaitu 4.4 peratus.

Kadar inflasi di Amerika Syarikat (AS) juga, tegasnya meningkat kepada 7.5 peratus pada Januari 2022, tertinggi sejak Februari 1982.

"Perbandingan dengan negara terpilih di Asia Pasifik, kadar inflasi di Malaysia (2.3 peratus) adalah lebih rendah daripada Korea Selatan (3.6 peratus), Filipina (3 peratus) dan Thailand (3.2 peratus).

"Namun kadar inflasi di Malaysia lebih tinggi berbanding Indonesia (2.2 peratus) dan China (0.9 peratus)," katanya.

<https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2022/02/926386/harga-makanan-lonjak-kadar-inflasi-malaysia>